

Mercu tanda terbaharu yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, Singapura

Projek Medini kukuh hubungan

NUSAJAYA - Projek kesejahteraan Afinity Medini dan Avira di Medini Iskandar Malaysia, bakal menjadi projek mercu tanda yang bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan Singapura, malah turut mencerminkan hubungan semakin kukuh antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkannya sebagai permulaan pelaburan yang semakin meningkat dari Singapura.

Kata beliau, menerusi sokongan kerajaan Singapura, sektor swasta di republik itu akan memberi sambutan positif untuk memindahkan pelaburan atau membuat pelaburan baharu di Iskandar Malaysia.

"Pada perbincangan dua hala pagi ini (semalam), kami menekankan mengenai pentingnya kumpulan kerja industri untuk bertemu secara tetap bagi menggalakkan pelabur dari Singapura memindahkan pelaburan ke sini, selain membuat pelaburan baharu di Iskandar.

"Iskandar mempunyai banyak tarikan. Kejayaan Iskandar sudah



NAJIB (empat dari kiri) dan Hsien Loong (tiga dari kiri) melihat model resort yang akan dibina di Medini sempena majlis Pecah Tanah Medini Wellness Centre di Nusajaya, Johor semalam.

melepasi rancangan serantau dan saya yakin, menerusi sokongan kerajaan Singapura, sektor swasta akan memberikan sambutan positif," katanya.

Beliau berkata demikian pada si-

dang media bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong selepas majlis Pecah Tanah Medini Wellness Centre di sini semalam.

Dalam pada itu, Hsien Loong berkata, kerajaan Malaysia telah

menunjukkan komitmen tinggi dan memacu pembangunan Iskandar Malaysia yang memperoleh banyak pelaburan termasuk sejumlah besar dari Singapura.

"Saya yakin ada banyak potensi,

dari sudut pandangan Singapura, kami berkembang.

"Pada masa sama, terdapat banyak limpahan daripada syarikat Singapura yang mahu mengembangkan peniagaan atau syarikat yang mahu datang ke Singapura, namun tidak sesak dan saya percaya Iskandar menawarkan peluang kepada mereka," katanya.

Dalam pada itu, Malaysia dan Singapura turut mengumumkan untuk membina landasan kereta api berkelajuan tinggi dari Kuala Lumpur ke Kota Singa.

Dengan terbinanya landasan tersebut, menurut Najib dan Hsien Loong, ia dapat memendekkan perjalanan antara Singapura dan Kuala Lumpur dalam masa 90 minit berbanding hampir lima jam sebelum ini dengan memandu kereta.

Projek tersebut dijangka dapat disiapkan menjelang tahun 2020.

"Ini adalah pembangunan strategik yang dapat mendekatkan lagi hubungan rakyat kedua-dua negara, selain meningkatkan perdagangan," kata Najib. - Bernama